



KENYATAAN MEDIA

PENGARAH DARUL QURAN JAKIM

BERKENAAN

MAJLIS ISTIADAT KONVOKESYEN DARUL QURAN JAKIM KALI KE-27

Seramai **732 orang** graduan dari semua program pengajian yang ditawarkan di Darul Quran akan bergraduasi dalam sidang yang dijadualkan akan berlangsung pada **11 Ogos 2018**, bertempat di **Dewan Muktamar, Darul Quran Jakim, Kuala Kubu Bharu, Selangor**.

2. Berikut merupakan pecahan bilangan graduan berdasarkan program pengajian yang dijalankan di Darul Quran:

- i. **507 orang** graduan Program Diploma Tahfiz al-Quran & Al-Qiraat;
- ii. **98 orang** graduan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-IIUM;
- iii. **48 orang** graduan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-UNITEN;
- iv. **Sembilan orang** graduan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-CUCMS;
- v. **38 orang** penerima Sijil Tamat Pengajian Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunnah USIM-DQ;
- vi. **Empat orang** graduan Program Sijil Asas Tahfiz, Kategori OKU Penglihatan;
- vii. **Lima orang** graduan Program Sijil Asas Tahfiz, Kategori Pelajar Luar Negara (Vietnam); dan
- viii. **23 orang** graduan Program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Bidang Pengurusan Masjid.

3. Sejak penubuhannya pada tahun 1966 hingga 2017, Darul Quran telah melahirkan seramai **6,472 orang graduan huffaz (30 juzu')** melalui Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat (sama ada dari kampus DQ atau MTQN), Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-IIUM dan Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-UNITEN. Jumlah graduan ini akan bertambah

Unit Komunikasi Korporat & Pengantarabangsaan
Darul Quran Jakim
Jalan Hamzah, Ampang Pecah
44000 Kuala Kubu Bharu
Selangor Darul Ehsan

pada tahun ini menjadi **7,134 orang graduan huffaz** dengan penambahan satu lagi program pengajian iaitu Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-CUCMS.

4. Majlis Istiadat Konvokesyen Darul Quran Jakim Kali Ke-27 merupakan **majlis istiadat kali pertama** bagi **Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-CUCMS** dan Program Sijil Asas Tahfiz, Kategori Pelajar Luar Negara (Vietnam) .

5. **Enam** Anugerah Kecemerlangan mengikut kategori berikut akan disampaikan kepada graduan terpilih pada tahun ini:

- i. Anugerah Perdana Menteri;
- ii. Anugerah Menteri Di Jabatan Perdana Menteri;
- iii. Anugerah Pengerusi Lembaga Darul Quran;
- iv. Anugerah Kecemerlangan Akademik;
- v. Anugerah Kecemerlangan Institusi; dan
- vi. Anugerah Kecemerlangan Hafazan al-Quran;

6. Anugerah Kecemerlangan Hafazan al-Quran merupakan anugerah baru yang dinobatkan kepada empat orang graduan dari Program Pensijilan Tahfiz al-Quran Jakim-IIUM yang berjaya mengkhataamkan al-Quran buat kali yang kedua hanya dalam tempoh masa 22 jam sahaja.

7. Istiadat Konvokesyen Darul Quran Jakim Kali ke-27 ini akan disempurnakan oleh **Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mujahid bin Yusuf.**

Sekian

DR. HAJI NORDIN BIN AHMAD

8 Ogos 2018

Unit Komunikasi Korporat & Pengantarabangsaan
Darul Quran Jakim
Jalan Hamzah, Ampang Pecah
44000 Kuala Kubu Bharu
Selangor Darul Ehsan